



Anwar bersama peserta pada Malaysia Sarong Music Run 2025 di Menara Berkembar PETRONAS (KLCC), semalam.

(Foto BERNAMA)

# Rakyat diingatkan sentiasa pertahan keamanan negara

Anwar turut saran masyarakat utamakan penjagaan kesihatan

Oleh Ercy Gracella Ajos  
ercy.gracella@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengingatkan orang ramai supaya sentiasa mempertahankan keamanan negara yang dikecapi ketika ini, selain perlu mementingkan penjagaan kesihatan.

Berucap pada majlis pelepasan Malaysia Sarong Music Run 2025 di Menara Berkembar PETRONAS (KLCC) di sini, Perdana Menteri berkata, acara itu bukan sekadar menggalakkan gaya hidup sihat, tetapi juga untuk memupuk semangat persahabatan dalam kalangan rakyat.

"Sarung ini ada budayanya, terkenal seantero rantau Melayu. Jadi, kalau ada sarung, pakai, kalau tak ada tak payah, yang penting semangatnya.

"Doa bagi semua selamat, negara ini aman, rakyat selamat (dan) ekonomi naik. Jangan mengizinkan orang merosakkan keamanan negara kita," katanya sebelum menyempurnakan pelepasan acara itu.

Yang turut hadir Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Anwar yang lengkap berpakaian sukan dan selempang sarung kemudian meluangkan masa menyertai acara jalan kaki kira-kira tiga kilometer bersama peserta program berkenaan.

## 10,500 penyertaan

Malaysia Sarong Music Run 2025 dalam kenyataan memaklumkan program itu disertai 10,500 orang bertujuan mengangkat budaya, warisan dan

gaya hidup aktif.

Program itu mengintegrasikan elemen budaya sepanjang laluan larian, memberikan peserta pengalaman menyelami tradisi Malaysia dengan lebih mendalam.

Antara inti pati utama acara berkenaan adalah menampilkan sarung sebagai simbol perpaduan dan warisan, permainan tradisional dan pameran warisan, pameran sajian warisan serta platform untuk bakat teinpatan.

Acara itu dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bersama Malaysia Marathon sebagai Penganjur Bersama, manakala SCORE Sports Management sebagai Rakan Teknikal.